



## MAKLUMBALAS PEMERIKSAAN ULANGAN (REVIEW) PESAKIT TIBI

### 1. PENDAHULUAN

#### Objektif

Borang/surat ini adalah untuk memaklumkan kepada Pusat Rawatan 2 (PR2) mengenai kes baru yang **dirujuk untuk menyambung rawatan**, hasil pemeriksaan ulangan (review), tarikh temujanji akan datang dan hasil rawatan pesakit.

#### 1.2 Skop Penggunaan.

Borang/surat ini akan diisikan oleh kakitangan Pusat Rawatan 1 (PR1) yang membuat diagnosa, memulakan rawatan, pemeriksaan ulangan dan dihantarkan kepada PR2 di mana pesakit sedang meneruskan rawatan. Ketika pesakit berpindah ke PR 2, borang TBIS 10F dihantar melalui pos. Ketika pesakit datang ke PR 1 untuk pemeriksaan ulangan, borang TBIS 10F boleh dihantar ke PR 2 melalui pesakit.

### 2. FAEDAH

Maklumbalas borang/surat ini akan **memberikan maklumat rawatan terkini kepada PR2 setiap kali pesakit** tibi dirujuk untuk menyambung rawatan, status terkini setelah menjalani pemeriksaan ulangan di PR1 samada pesakit akan diteruskan rawatan dengan regim rawatan sediaada atau baru, atau pesakit ditamatkan rawatan setelah hasil rawatan diketahui/ditentukan.

### 3. PUNCA MAKLUMAT

Maklumat pemeriksaan ulangan serta perubahan regim rawatan boleh didapati dari TBIS 10-I dan TBIS 10B-1.

### 4. PANDUAN MENGISI BORANG/SURAT

Isikan borang/surat pada ruangan yang disediakan dan tandakan ✓ pada ruangan yang berkaitan.

#### Nota:

Di PR2, Kumpulkan semua 10F didalam satu fail mengikut bulan.